



KOPERASI GURU-GURU LEPASAN MAKTAB/ PUSAT LATIHAN HARIAN PAHANG (KOGURU) BERHAD

Peraturan-peraturan KHAIRAT KEMATIAN

1.

a. Peraturan-peraturan ini adalah dinamakan “Peraturan-peraturan Khairat Kematian Koperasi Guru-Guru Lepas Maktab/ Pusat Latihan Harian Pahang (KOGURU) Berhad”.

b. Peraturan-peraturan ini diwujudkan di bawah Undang-Undang Kecil 44 (2)(w) Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas Persetujuan Mesyuarat Agung Koperasi ini dan Ketua Pendaftar.
2. Dalam peraturan ini, melainkan ada sesuatu perkara atau perkataan yang berlainan maknanya maka tafsiran berikut adalah diterima pakai : -

a. **“Anggota Lembaga”** bermaksud Anggota Lembaga Koperasi yang dilantik di bawah Undang-undang Kecil Koperasi ini.

b. **“Sumbangan”** bermaksud pemberian wang secara ikhlas yang dikeluarkan dari Tabung Khairat ini mengikut peraturan-peraturannya.

c. **“Anggota”** bermaksud anggota-anggota yang telah sah diterima masuk menjadi anggota mengikut Undang-undang Kecil Koperasi ini dengan telah menjelaskan syer RM100 (*Ringgit Malaysia Satu ratus Sahaja*) dan tidak pernah mungkir daripada mencarum kepada bayaran bulanan yurannya 3 bulan berturutan

d. **“Suami / Isteri”** bermaksud suami atau isteri anggota Koperasi ini yang sah di sisi undang-undang ;

e. **“Keluarga Anggota”** bermaksud ibu, bapa, suami, isteri, dan anak-anak yang dalam tanggungannya yang mana termasuk juga anak angkatnya yang sah di sisi undang-undang.
3. Tujuan Khairat Kematian ini diwujudkan adalah untuk : -

a. Membantu perbelanjaan mengurus kematian anggota dan keluarga anggota koperasi ini.

b. Untuk menyelesaikan tanggungan anggota kepada Koperasi ini apabila anggota berkenaan meninggal dunia.

4. Kewangan Khairat Kematian Koperasi ini adalah diperolehi daripada : **Punca**
- a. Sumbangan anggota sebanyak tidak kurang daripada **RM 3.00 (Ringgit Malaysia Tiga Sahaja)** sebulan.
 - b. Derma dan sumbangan daripada pihak lain.
5. Khairat Kematian Koperasi ini hendaklah ditadbirkan oleh Jawatankuasa Kecil Kebajikan yang dilantik oleh Anggota Lembaga Koperasi ini di bawah **Undang-undang Kecil 44 (2) (v)** Koperasi ini. **Pentadbiran**
- a. Jumlah ahli Jawatankuasa Kecil ini hendaklah tidak lebih daripada 7 (Tujuh) orang .
 - b. Salah seorang yang diberi kuasa mengeluarkan wang oleh Undang-undang Kecil Koperasi (UUK) adalah dengan sendirinya menjadi ahli Jawatankuasa Kecil ini .
6. Tahun Kewangan Khairat Kematian Koperasi ini hendaklah bermula daripada 1hb. Januari dan berakhir pada 31hb. Disember, setiap tahun. **Tahun Kewangan**
7. a. Anggota Lembaga Koperasi ini boleh, apabila difikirkan sesuai melaburkan semua; atau sebahagian daripada wang Khairat Kematian ini dalam mana- mana badan atau pertubuhan atau dalam apa-apa bentuk sekalipun, tertakluk kepada syarat-syarat dalam Akta. **Pelaburan**
- b. Apa-apa perolehan daripada pelaburan ini hendaklah dimasukkan semula ke dalam Khairat Kematian ini untuk digunakan bagi maksud dan tujuan atau dilaburkan semula bagi menambahkan kewangan Khairat Kematian ini.
8. a. Semua anggota Koperasi ini yang telah menjadi anggota layak memohon sumbangan dari Khairat Kematian ini. **Kelayakan memohon**
- b. Anggota atau waris anggota yang meninggal dunia adalah layak memohon sumbangan ini dengan syarat bahawa anggota atau waris anggota yang meninggal dunia itu telah menjadi anggota Koperasi ini selama 2 (Dua) tahun berturut-turut.
 - c. Kelayakan ini akan tamat tempohnya selepas 1 (Satu) tahun daripada tarikh kematian itu.
 - d. Anggota tidak boleh menuntut bahawa sumbangan di bawah Khairat Kematian Koperasi ini sebagai satu haknya.

- 9.**
- a.** Semua permohonan untuk mendapatkan sumbangan daripada Khairat Kematian Koperasi ini hendaklah menggunakan borang yang disediakan oleh Anggota Lembaga Koperasi ini.
- b.** Permohonan tersebut hendaklah dikepilkan bersama-sama dengan dokumen yang sah bagi menyokong permohonan itu.
- 10.**
- a.** Sumbangan kepada pemohon yang layak adalah mengikut kadar yang berikut : -
- Had maksima yang boleh dibayar ;
- I.** Kerana kematian anggota **RM 5,000.00**
- II.** Kerana kematian keluarga anggota
RM 3,000.00 - isteri/suami
RM 300.00 - anak
RM 200.00 - ibu/bapa anggota sahaja
- b.** Kadar yang boleh dibayar oleh Anggota Lembaga Koperasi ini kepada sesuatu permohonan itu bergantung kepada kedudukan kewangan Khairat Kematian Koperasi ini, tetapi semua pembayaran tidak boleh melebihi had maksima yang telah ditetapkan .
- 11.**
- a.** Setiap permohonan akan diproses oleh EXCO Koperasi ini.
- b.** Dimaklumkan kepada Anggota Lembaga Koperasi ini.
- 12.** Pembayaran akan dibuat melalui cek
- 13.**
- a.** Jika kedudukan Khairat Kematian Koperasi ini mengalami kesulitan kewangan, maka Anggota Lembaga Koperasi ini akan menggantung aktivitiinya sehingga kesulitan kewangan dapat dipulihkan semula.
- b.** Anggota-anggota Koperasi hendaklah diberitahu melalui surat pekeliling mengenai penggantungan atau pemulihan semula Khairat Kematian ini.
- 14.** Akaun Khairat Kematian ini hendaklah diaudit bersekali dengan lain-lain Akaun Koperasi ini.
- Permohonan**
- Kadar Tabung Khairat Kematian**
- Memproses Permohonan**
- Pembayaran**
- Penggantungan**
- Audit**

16. Anggota Lembaga Koperasi ini hendaklah membentangkan di dalam Mesyuarat Agung Koperasi ini, laporan mengenai aktiviti Khairat Kematian ini serta membuat cadangan dan menerima cadangan bagi memajukannya.

**Makluman Kepada
Mesyuarat Agung**

17. Jika berbangkit sebarang perselisihan faham atas tafsiran peraturan-peraturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Ketua Pendaftar mengikut **Undang-undang Kecil 80(1)** Koperasi ini.

Pertikaian

Diakui inilah pindaan Peraturan-peraturan Khairat Kematian yang dibentang dan diterima oleh Mesyuarat Agung Koperasi ini Kali Ke Tiga Puluh Tiga pada Sembilan Belas haribulan Mei Tahun Dua Ribu Tujuh

.....
Pengerusi

.....
Setiausaha

.....
Anggota Lembaga